

22 APR 2002

Mahathir-peluang/I

BOLA KINI DI KAKI SWASTA, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lawatan seminggunya ke Maghribi, Libya dan Bahrain telah berjaya menghasilkan satu jaminan sokongan untuk mana-mana jalinan ekonomi dan perdagangan yang bakal diwujudkan dengan ketiga-tiga negara itu.

Ketika bercakap kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang KL di sini, perdana menteri berkata ketiga-tiga negara Arab itu menawarkan potensi baik kepada pelabur, peniaga dan kontraktor Malaysia.

"Kita telah membuka pintu, menjalin hubungan dengan kerajaan dan menentukan sokongan daripada mereka. Jadi terpulang kepada sektor swasta untuk mula bekerja keras," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa sepanjang lawatan itu, soalan yang sering ditanya ialah bagaimana Malaysia telah bertukar daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada yang berasaskan perindustrian.

"Mereka ingin tahu bagaimana, dan kita cuba terangkan. Dan saya berpendapat, mereka akan datang untuk mengetahui lebih lanjut," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin Libya, Muammar Gaddafi, amat berminat untuk mengetahui mengenai pembangunan Malaysia.

"Gaddafi jumpa saya tiga kali dan menyoal saya dalam semua aspek ekonomi Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga telah mempelajari beberapa perkara dalam lawatannya itu termasuk pengurusan air di Libya.

Perdana menteri berkata konflik Palestin-Israel dibincangkan dan ketiga-tiga negara itu marah kepada Israel selain kecewa dengan sikap Amerika syarikat kerana menyokong rejim Yahudi itu.

"Kerana nampak jelas (Amerika) menyokong Israel walaupun di (kem pelarian) Jenin beratus orang telah dibunuh, jelas sekali dibunuh oleh tentera Israel termasuk mereka meruntuhkan rumah semasa penduduk masih ada dalam rumah," katanya.

Dr Mahathir berkata ia merupakan satu keganasan luar biasa dan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh golongan yang dahulu merayu simpati dunia kerana mereka dibunuh oleh pihak Nazi.

"Tetapi sekarang ini mereka melakukan kekejaman lebih daripada itu. Ada pihak memanggil (Perdana Menteri Israel, Ariel) Sharon 'a man of peace' (orang yang utamakan keamanan). Jika dia a man of peace, maka semua golongan berani mati terdiri adalah juga orang yang utamakan keamanan," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata pengaruh Yahudi di Amerika amat kuat disebabkan perpaduan mereka sehingga dapat menentukan siapa yang menang dalam sesuatu pilihan raya.

Sebaliknya, kata perdana menteri, umat Islam di sana tidak bersatu dan tidak pernah bertindak seiringan.

"Akibatnya, mereka tidak dapat menentukan siapa yang menang dalam pilihan raya. Tetapi pihak Yahudi boleh.

"Ini seperti di Malaysia. Dalam kawasan Melayu, pengundi Cina yang kecil dapat menentukan siapa yang menang kerana Melayu berpecah. Dalam kawasan Cina, pengundi Melayu tentukan parti Cina mana yang menang kerana Cina berbelah dua," katanya.

Ditanya mengenai pengganti Datuk Mustapa Mohamed selaku ketua penerangan Umno, Dr Mahathir berkata ia akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan datang.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI